

12/11/2001

Serangan AS burukkan keadaan ekonomi dunia

KOTA BHARU, Ahad - Malaysia sudah menyatakan pandangannya kepada Amerika Syarikat supaya menghentikan serta-merta serangan ke atas Afghanistan menjelang Ramadan ini.

Pandangan itu membuktikan Malaysia tidak menyokong Amerika mengambil tindakan ketenteraan menyerang Afghanistan atas alasan memerangi keganasan antarabangsa kerana ia bukan jalan penyelesaian terbaik.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamad, berkata serangan itu sebenarnya lebih menimbulkan masalah apabila rakyat termasuk kanak-kanak di Afghanistan yang tidak berdosa menjadi mangsa.

"Itu sebabnya kenapa Malaysia tidak menyokong Amerika menyerang Afghanistan kerana yang menderita bukan Osama, al-Qaeda dan Taliban, tetapi rakyat biasa. Jelas (serangan Amerika Syarikat) terbukti apa yang dinyatakan oleh kita (Malaysia) adalah benar.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed sendiri sebelum ini berkali-kali meminta Amerika menghentikan serangan itu menjelang Ramadan ini, kita sudah pun menyatakan pandangan supaya hentikan serta-merta serangan," katanya, di sini, semalam.

Pada Sidang Kemuncak Asean ke-7 di Bandar Seri Begawan, Brunei Darulsalam minggu lalu, Perdana Menteri mengulangi saranan dihentikan serangan ke atas Afghanistan.

Dr Mahathir pada sidang itu juga mengulangi pendirian Malaysia menentang keganasan sambil mencadangkan diadakan satu seminar peringkat Asean dan kemudian disusuli peringkat antarabangsa untuk mendefinisikan istilah keganasan dan penganas.

Menyentuh kesan kepada ekonomi dunia berikutan tindakan Amerika Syarikat itu, Mustapa berkata Malaysia menentang serangan itu kerana kesannya bukan saja dari segi kemanusiaan tetapi kepada ekonomi dunia.

(END)